



PRIVACY AND PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

This Privacy and Personal Data Protection Notice describes how Signature International Berhad and all its subsidiaries and associate companies ("SIGN Group") incorporated under the laws of Malaysia recognise the importance of privacy and the sensitivity of personal data and are committed to maintain the confidentiality, security and integrity of the personal data supplied by you in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"). This Policy applies to all SIGN Group's existing, immediate and prospective clients, contacts and employees pursuant to the requirement of the PDPA and set out how we collect, use, maintain, disclose your personal data in accordance with the legal and regulatory requirements.

By continuing to communicate, interact or deal with the SIGN Group or by using our online platforms or websites, or using our products and services, you signify your acceptance to the collection and processing of your personal data and are fully aware of the choices available to you to decline access or limit our access to your personal data.

Should you limit access or decline to provide your personal data:

- a. we will not be able to provide you with our products and services as needed and requested by you; or
- b. we will not be able to provide you with any notice, services and update in which you have requested.

1. Types of Personal Data Collected and Processed

We may collect the following personal data to process your requests, inquiries, registrations, references, applications and/or other situations in which you have chosen to provide your personal data to us when you are accessing our website, completing our forms, communicating with us in person or by phone, e-mail, fax, short message service, instant messages, written form or otherwise, in our existing guest lists, business cards and/or any events organised by us or various other sources such as our customers, authorized dealers, regulatory authorities, government agencies, credit reporting agencies, recruitment agencies, social media sites, publicly available information or any other third parties that we work with:-

- Name or company name;
- Age, gender, date of birth;
- Race, ethnic origin, nationality, physical and mental health;
- Contact information including address, email address and phone number;
- Company Registration Number or NRIC Number or Passport Number;
- marital status, details of children, occupation, work history, performance review, income range, employer, references and any other details of past employer;
- Credit card or bank account information or other pertinent banking information;
- tax file identification number, EPF number, SOCSO number and criminal history; and
- any other personal information ("Personal Data") required by us which may identify you or your family members and has been or may be collected, stored, used and processed by SIGN Group from time to time.

2. Use of Personal Data

Your Personal Data will be/is being collected, stored, used and/or processed by SIGN Group (whether directly or indirectly) and in whatever form for purposes relating to the products and services you requested or for administrative, business, marketing and/or promotional activities of SIGN Group which shall include, without limitation:-



- implementation, performance and completion of any commercial transactions, dealings or in connection with products, services, advice and obligations that SIGN Group may render to you or third parties;
- preparation and execution of all necessary documents, agreements and/or contracts for our projects, products and/or services with you including any obligations arising from any contracts and/or agreements entered into between you and us and to provide you with the products and services that you request from us;
- maintenance and upkeep of internal client records, administration, management, business development, advertising, promotional, marketing events, continuous professional development, education, research, internal operations, troubleshooting, data analysis, testing, statistical and market survey purposes, professional network, employment and social activities;
- your name, photographs or video footages which are captured during your participation in any event organized or sponsored by SIGN Group may be displayed on our website, publications, newsletters, documents, alerts, notifications, and any other material of similar nature;
- to operate our website and information technology software (including the collection of internet protocol address and cookies) including all internet related activities;
- meeting any legal or regulatory requirement relating to our services and to make disclosure under the requirements of any applicable law, regulation, directive, guideline, by-law, code, circular, government authorities and/or court of competent jurisdiction;
- for any other purpose authorised by you or incidental or ancillary or in furtherance to the above purposes ("Purposes").

The Personal Data collected will be retained by us for the duration permitted by law and may extend to periods after the termination of your contractual relationship with us.

3. Security

We maintain the security of Personal Data by limiting access to your Personal Data on a need-to-know basis and providing security control systems with a combination of physical and electronic access controls, secure servers, firewall technology and other security measures to safeguard the confidentiality and security of your Personal Data.

4. Disclosure

SIGN Group will keep your Personal Data confidential but you hereby consent and authorise us to provide access or disclose your Personal Data to third parties such as those listed below (not exhaustive):

- The subsidiary, associated, related and affiliated companies within SIGN Group;
- Our third-party contractors, sub-contractors, licensees, suppliers, service providers or vendors who work with us to provide you with our products and services;
- Any affiliates, business partners, authorised dealers, agents, or such other party whether in or outside Malaysia;
- Any person to whom we are compelled to disclose Personal Data pursuant to any law or regulation including regulatory, statutory authorities, governmental body or agencies or other recognized body and authorities;
- our and/or our client's auditors, lawyers, consultants, accountants or any relevant financial institutions or professional advisers;
- Such other parties that may be relevant to our business functions or to carry out any of the above purposes as may be permitted by law.



We shall not be liable for any voluntary disclosure of your Personal Data by you to others nor any disclosure by any such third parties, which includes but not limited to our third-party contractors, authorized dealers, licensees, suppliers, services providers, vendors, affiliates, business partners or other related parties.

5. Choices, Access and Correction

If you do not consent to SIGN Group collecting and processing your Personal Data or seek to limit the processing of your personal data, desire to request access for correction or deletion of your personal data, please send a written notice or by completing our “Personal Data Access/Correction Request Form” (Please refer to Appendix A) and forwarding it to:-

Attention to: Data Protection Officer

Email: dpo@signaturegroup.com.my

Address: Lot 24, Jalan Teknologi, Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara, PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor

In respect of your right to access, correct and/or delete your Personal Data, SIGN Group has the right to decline to process such requests for reasons permitted under the law or which may jeopardize the security and privacy of the personal data of others as well as requests which are impractical or not made in good faith.

If we do not receive any notification in writing, we will assume that we are authorised to continue processing your Personal Data for the Purposes.

6. Changes or Update to Private and Personal Data Protection Notice

We may update, revise, vary, amend and/or modify this Notice from time to time. Please check back frequently to see the latest changes or update to our Notice.

7. Language

In the event of any inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail.

APPENDIX A**PERSONAL DATA ACCESS / CORRECTION / DELETION REQUEST FORM**

Name ("Data Subject")	
NRIC	
Tel. No.	
Email	
Type of Request	
Type of Personal Data	
Reason	

- A. I request to access/correct/delete my personal data that is being processed by("Data Controller").
- B. I confirm that the details above are correct and acknowledge that should there be any incorrect or incomplete information or any circumstances provided under the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"), the Data Controller may refuse to give me access to my personal data.
- C. I confirm that all correction that I would make to my personal data, if any, is correct and up-to-date.
- D. I am the Data Subject named above and hereby request under the PDPA that the Data Controller provides me a copy of the personal data held about me as specified above. I understand that there may be a charge for this service and that Data Controller will contact me to request for payment (if any), I also note that the Data Controller will respond within the time stipulated under the PDPA after the receipt of the payment from me and will notify me of a date and time to collect a copy of the document personally.

Signature	Date
-----------	------

[Please refer to the Bahasa Malaysia version on the following page]



NOTIS PRIVASI DAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Notis Privasi dan Perlindungan Data Peribadi ini ("Notis") menerangkan bagaimana Signature International Berhad dan semua anak syarikat dan syarikat sekutunya ("Kumpulan SIGN") yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia mengiktiraf kepentingan privasi dan kepekaan data peribadi dan adalah komited untuk mengekalkan kerahsiaan, keselamatan dan integriti data peribadi yang diberi oleh anda menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). Notis ini berkuatkuasa kepada semua pelanggan kami, termasuk pelanggan semasa, pelanggan sedia ada, dan bakal pelanggan, kenalan serta pekerja Kumpulan SIGN menurut PDPA dan menjelaskan cara kami mengumpul, menggunakan, menyimpan dan mendedahkan data peribadi anda mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Dengan meneruskan untuk berkomunikasi, berinteraksi atau berurusan dengan Kumpulan SIGN termasuk atau dengan menggunakan laman web kami, atau menggunakan produk dan perkhidmatan kami, anda menandakan persetujuan anda terhadap pengumpulan dan pemprosesan data peribadi anda dan menyedari sepenuhnya pilihan yang ada untuk anda menolak akses atau menghadkan akses kami untuk data peribadi anda.

Sekiranya anda menghadkan akses atau enggan memberikan maklumat peribadi anda:-

- a. kami tidak akan dapat menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan kami yang anda perlu dan minta; atau
- b. kami akan tidak dapat memberikan anda dengan sebarang notis, perkhidmatan dan kemas kini yang anda mintakan.

1. Jenis-jenis Data Peribadi yang Dikumpul dan Diproses

Kami mungkin mengumpul data peribadi berikut untuk memproses permintaan anda, pertanyaan, pendaftaran, rujukan, aplikasi dan / atau keadaan-keadaan lain di mana anda telah memilih untuk memberikan data peribadi anda kepada kami semasa kunjungan ke laman web kami, pengisian borang kami atau melalui komunikasi dengan pihak kami secara peribadi atau melalui telefon, e-mel, faks, khidmat pesanan ringkas (SMS), mesej segera, secara bertulis dan selainnya, dalam senarai tetamu yang tersedia, kad perniagaan, dan/atau sebarang acara yang kami aturkan atau pelbagai sumber lain seperti pelanggan kami, perniaga berlesen, pihak berkuasa peraturan, agensi kerajaan, agensi pelaporan kredit, agensi perekrutan, laman media sosial, maklumat yang tersedia secara umum atau mana-mana pihak ketiga lain yang bekerja dengan kami: -

- Nama atau nama syarikat;
- Umur, jantina, tarikh lahir;
- Bangsa, etnik, kewarganegaraan, kesihatan fizikal dan mental;
- Maklumat kenalan termasuk alamat, alamat email dan nombor telefon;
- Nombor pendaftaran syarikat atau nombor kad pengenalan atau nombor passport;
- Status perkahwinan, butir-butir kanak-kanak, pekerjaan, sejarah pekerjaan, penilaian prestasi, pendapatan, majikan, rujukan serta butir-butir lain mengenai majikan lalu;
- Nombor Kad Kredit atau keterangan akaun perbankan atau lain-lain maklumat perbankan;
- Nombor pengenalan fail cukai, nombor KWSP, nombor PERKESO dan sejarah jenayah; dan
- apa-apa maklumat peribadi lain ("Data Peribadi") yang kami hendak yang boleh mengenal pasti anda atau ahli keluarga anda dan telah atau mungkin dikumpul, disimpan, digunakan dan diproses oleh Kumpulan SIGN dari semasa ke semasa.

2. Kegunaan Data Peribadi

Data Peribadi anda akan/sedang dikumpul, disimpan, digunakan dan/atau diproseskan oleh kami (samada secara langsung atau tidak langsung) dan dalam sebarang bentuk untuk tujuan yang



berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang anda minta atau untuk pentadbiran, perniagaan, pemasaran dan / atau aktiviti promosi Kumpulan SIGN yang termasuk, tanpa had:-

- pelaksanaan, prestasi dan penyiapan sebarang transaksi komersial, urusan ataupun yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan, nasihat dan obligasi yang Kumpulan SIGN akan menawarkan kepada anda atau pihak ketiga;
- penyediaan dan pelaksanaan semua dokumen yang diperlukan, perjanjian dan/atau kontrak untuk projek, produk dan/atau perkhidmatan kami dengan anda termasuk sebarang obligasi yang timbul dari sebarang kontrak dan/atau perjanjian yang dimeterai antara pihak anda dengan kami serta untuk penyediaan sebarang produk dan perkhidmatan yang diminta dari kami;
- penyelenggaraan dan mengemaskini rekod dalaman klien, pentadbiran, pengurusan, pembangunan perniagaan, pengiklanan, acara pemasaran, pembangunan profesionalisme berterusan, pendidikan, penyelidikan, operasi dalaman, penyelesaian masalah, analisis data, pengujian, tujuan statistic dan kajian, rangkaian professional, pekerjaan dan aktiviti-aktiviti sosial;
- nama, gambar atau rekaman video anda yang diambil semasa partisipasi dalam acara yang diadakan atau disponsori oleh Kumpulan SIGN mungkin akan dipaparkan pada laman web, penerbitan, surat berita, dokumen- dokumen, amaran, notifikasi, dan bahan-bahan lain yang serupa dengannya kami;
- untuk mengoperasi laman web kami dan perisian teknologi maklumat (termasuk koleksi alamat protokol internet dan cookies) termasuk semua aktiviti berkaitan dengan internet;
- memenuhi sebarang keperluan perundangan atau pengawalseliaan yang berkaitan dengan perkhidmatan kami dan untuk membuat pendedahan di bawah kehendak undang-undang berkenaan, peraturan, arahan, garis panduan, undang-undang kecil, kod, pekeliling, pihak berkuasa kerajaan dan/atau mahkamah yang mempunyai bidang kuasa;
- untuk sebarang tujuan lain yang dibenarkan oleh anda dan kebetulan, tambahan atau untuk melanjutkan kepada tujuan di atas ("Tujuan").

Data peribadi yang dikumpul akan disimpan oleh pihak kami untuk tempoh yang dibenarkan oleh undang-undang dan boleh berlanjutan ke tempoh selepas penamatan hubungan kontrak anda dengan kami.

3. Keselamatan

Kami mengekalkan keselamatan data peribadi dengan menghadkan akses kepada Data Peribadi anda atas dasar perlu mengetahui dan menyediakan sistem kawalan keselamatan dengan kombinasi kawalan fizikal dan elektronik, server yang selamat, teknologi firewall dan lain-lain langkah-langkah keselamatan untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan Data Peribadi anda.

4. Pendedahan

Kumpulan SIGN akan menyimpan Data Peribadi anda secara sulit namun bagaimanapun anda dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada kami untuk memberi akses atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga seperti yang disenaraikan di bawah (tidak menyeluruh):

- anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat gabungan dalam Kumpulan SIGN;
- kontraktor pihak ketiga kami, subkontraktor, pemegang lesen, pembekal atau pengkhidmat atau penjual yang bekerja dengan kami untuk menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan kami;
- mana-mana sekutu kami, rakan niaga, perniaga berlesen; agensi; atau mana-mana pihak lain di dalam atau di luar Malaysia;



- mana-mana orang yang kepadanya kami wajib mendedahkan Data Peribadi anda menurut undang-undang atau peraturan yang sedia ada termasuk peraturan, badan berkanun, badan kerajaan, agensi atau lain badan yang diiktiraf dan pihak berkuasa;
- juruaudit kami atau juruaudit klien kami, peguam, perunding, akauntan atau sebarang institusi kewangan yang berkaitan atau penasihat profesional;
- kepada pihak-pihak lain sebagaimana yang mungkin berkaitan dengan fungsi perniagaan kami atau untuk menjalankan mana-mana tujuan di atas yang dibenarkan oleh undang-undang.

Kami tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa pendedahan sukarela Data Peribadi anda oleh anda kepada orang lain atau mana-mana pendedahan oleh mana-mana pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada kontraktor pihak ketiga, perniaga berlesen; pemegang lesen, pembekal, pembekal perkhidmatan, penjual, sekutu, rakan niaga kami, atau pihak-pihak lain yang berkaitan.

5. Pilihan, Akses dan Pembetulan

Jika anda tidak bersetuju kepada Kumpulan SIGN mengumpul dan memproses data peribadi anda atau ingin menghadkan pemprosesan data peribadi anda, ingin untuk meminta akses untuk pembetulan atau pemadaman data peribadi anda, sila hantar notis bertulis atau mengisi "Borang Akses/Pembetulan Data Peribadi" (Sila rujuk Lampiran A) dan hantar kepada: -

Kepada: Pegawai Pelindungan Data

Emel: dpo@signaturegroup.com.my

Alamat: Lot 24, Jalan Teknologi, Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara, PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor

Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses, membetulkan dan/atau memadam Data Peribadi anda Kumpulan SIGN mempunyai hak untuk menolak permintaan tersebut atas sebab-sebab yang dibenarkan di bawah undang-undang atau di mana ia boleh menjejaskan keselamatan dan privasi Data Peribadi orang lain dan juga permintaan yang tidak praktikal atau tidak dibuat dengan suci hati.

Jika kami tidak menerima sebarang notifikasi secara bertulis, kami akan menganggap bahawa kami berkuasa untuk meneruskan pemprosesan Data Peribadi anda untuk Tujuan yang dinyatakan.

6. Perubahan atau Kemaskini Notis Perlindungan Data Peribadi dan Privasi

Kami mungkin mengemas kini Notis ini dari semasa ke semasa. Sila semak kembali dengan kerap untuk melihat sebarang kemas kini atau perubahan pada kami.

7. Bahasa

Sekiranya terdapat sebarang konflik atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

LAMPIRAN A**BORANG PERMOHONAN AKSES / PEMBETULAN / PEMADAMAN DATA PERIBADI**

Nama ("Subjek Data")	
NRIC	
No. Tel.	
Emel	
Jenis Permohonan	
Jenis Data Peribadi	
Tujuan	

- A. Saya memohon akses/membuat pembetulan/pemadaman kepada data peribadi saya yang sedang diproses oleh("Pengawal Data").
- B. Saya mengesahkan bahawa maklumat-maklumat di atas adalah benar dan mengambil maklum bahawa Pengawal Data berhak untuk tidak memberikan akses data peribadi saya kepada saya sekiranya maklumat di atas mengandungi sebarang kesilapan ataupun tidak lengkap atau terdapat mana-mana keadaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA").
- C. Saya mengesahkan bahawa semua pembetulan yang akan saya lakukan terhadap data peribadi saya, jika ada, adalah betul dan terkini.
- D. Saya adalah Subjek Data yang dinamakan di atas dan dengan ini memohon di bawah PDPA supaya Pengawal Data memberikan saya satu salinan data peribadi yang dipegang tentang saya seperti yang dinyatakan di atas. Saya faham bahawa mungkin terdapat caj untuk perkhidmatan ini dan bahawa Pengawal Data akan menghubungi saya untuk meminta bayaran (jika ada). Saya juga maklum bahawa Pengawal Data akan memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan di bawah PDPA selepas menerima bayaran daripada saya dan akan memaklumkan tarikh dan masa untuk saya hadir mengambil salinan dokumen tersebut secara peribadi.

Tandatangan	Tarikh